



**BANK ISLAM SALUR RM400,000 DANA SADAQA HOUSE  
UNTUK BANTUAN MANGSA BANJIR**

**KUALA LUMPUR, Ahad, [10 Januari 2021]:** Prihatin dengan musibah banjir yang melanda ketika pandemik COVID-19 berada pada tahap membimbangkan, Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") akan menyalurkan dana berjumlah RM400,000 daripada platform pendanaan awam Islamnya, Sadaqa House, untuk misi bantuan kemanusiaan dan bencana banjir di negeri-negeri terkesan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, "Selain menawarkan kemudahan moratorium kepada pelanggan yang terjejas akibat banjir, kami juga mengambil keputusan untuk menggandakan usaha dengan memperuntukkan sumbangan daripada inisiatif kewangan sosial Islam yang diperolehi melalui Sadaqa House bagi memastikan dana sokongan dan bantuan yang signifikan dapat disalurkan kepada mangsa-mangsa yang terkesan. Justeru, usaha ini juga secara tidak langsung mencerminkan bahawa institusi perbankan Islam sentiasa mengamalkan konsep perkongsian rezeki dan peranan instrumen kewangan sosial Islam seperti sedekah, zakat dan wakaf mempunyai kelebihan dalam memainkan peranan penting untuk membantu menjaga kebajikan sosioekonomi ummah."

Tambah beliau, "Kami turut akan menyalurkan RM100,000 daripada jumlah dana kepada Yayasan Al-Sultan Abdullah yang kini sedang giat menjalankan aktiviti-aktiviti membantu mereka yang kini ditempatkan di pusat-pusat pemindahan sementara."

Dana misi bantuan kemanusiaan dan bencana Bank Islam merangkumi sokongan bantuan langsung seperti makanan dan minuman, ubat-ubatan, kelengkapan asas mangsa banjir di pusat pemindahan sementara serta pembelian peralatan-peralatan kebersihan bagi menghadapi keadaan pascabanjir.

Bank Islam juga turut bekerjasama dan menjalin hubungan strategik dengan beberapa agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan ("NGO"), antaranya

Angkatan Tentera Malaysia ("ATM"); Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ("JBPM"); Jabatan Kebajikan Masyarakat ("JKM"); Agensi Pengurusan Bencana Negara ("NADMA"); Yayasan Food Bank Malaysia ("YBFM"); Pasukan Tindakan dan Bantuan Persatuan Perubatan Islam Malaysia ("IMARET") dan Mercy Malaysia untuk penyaluran bantuan ini.

Orang ramai yang ingin turut menyumbang boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Sadaqa House Bank Islam di nombor **140 140 101 88888** atau melayari laman sesawang Sadaqa House di [www.sadaqahouse.com.my](http://www.sadaqahouse.com.my).

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
--	--